



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,
Jalan Basco Kepadang 1,
Basco Avenue@Kepadang,
31400 Ipoh, Perak.

No Tel : +605 - 246 2100
Laman Web : <http://perak.anm.gov.my>

Ruj. Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (32)
Tarikh : 8 Januari 2026

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab,

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**TINDAKAN PENGOSONGAN AKAUN PENYELESAIAN GAJI KOD L1311903
(SUMBANGAN BADAN BERKANUN – CARUMAN BULAN SEMASA) DAN KOD
L1312974 (TERIMAAN BALIK BAYARAN GAJI TAHUN SEMASA – CARUMAN
PERKESO SYER YANG DIKUTIP SEMULA DARI PEKERJA)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Akaun Penyelesaian Gaji L1311903 dan L1312974 hendaklah berbaki kosong sebelum penutupan akaun pada setiap bulan. Jabatan ini mendapati terdapat sebilangan PTJ yang tidak mematuhi arahan yang telah dikeluarkan sebelum ini. Justeru, Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah menyelesaikan Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (K6) dan Invois Tanpa PT (PERKESO) / Caruman KWSP (K2) sehingga **Peraku 2 selewat - lewatnya pukul 4.00 petang** mengikut tarikh yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah:

BULAN	TARIKH AKHIR PERAKU 2
JANUARI	28/01/2026
FEBRUARI	25/02/2026
MAC	27/03/2026
APRIL	28/04/2026
MEI	26/05/2026
JUN	26/06/2026
JULAI	29/07/2026
OGOS	26/08/2026
SEPTEMBER	28/09/2026
OKTOBER	28/10/2026
NOVEMBER	26/11/2026
DISEMBER	AKAN DIMAKLUMKAN KEMUDIAN

3. Sekiranya PTJ perlu menyediakan Arahan Pembayaran gaji, caruman PERKESO dan KWSP yang melibatkan kod akaun L1311903 selepas tarikh yang ditetapkan, PTJ perlu menghubungi PIC di Unit Gaji Pejabat Perakaunan untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu bagi mengelakkan Arahan Pembayaran tersebut dikuiiri.

4. Untuk makluman, penggunaan kod L1312974 adalah untuk terimaan caruman PERKESO syer pekerja yang diterima daripada pekerja yang terlibat dengan tunggakan PERKESO bagi tahun lalu / tahun semasa. **Kod ini hanya digunakan apabila PTJ perlu membuat bayaran kepada PERKESO sahaja tanpa melibatkan pembayaran gaji melalui Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (K6).** Setelah mengakaunkan terimaan tersebut di bawah kod L1312974, PTJ hendaklah menyediakan Arahan Pembayaran jenis Invois Tanpa PT (K2) **selewat - lewatnya pada** pukul 4.00 petang pada tarikh yang ditetapkan seperti jadual di atas bagi memastikan kod akaun penyelesaian L1312974 ini berbaki kosong.

5. PTJ boleh membuat semakan baki akaun penyelesaian gaji ini di Portal iGFMS. Bersama-sama ini dilampirkan tatacara semakan dan contoh laporan liabiliti akaun penyelesaian gaji untuk perhatian dan tindakan semua PTJ.

6. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan terhadap perkara ini amatlah dihargai. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Gaji, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(RUHEILA AFZAN BINTI MUSA C.A.(M), CPA (AUST.))

Timbalan Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Perak